



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026

KUALA LUMPUR - Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia bersiap siaga menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) dengan mempertingkatkan tahap kesiap siagaan pengoperasian Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) dan Sistem Pengurusan Bencana (eBencana) hari ini.

2. Malaysia kini masih berada dalam fasa akhir Monsun Barat Daya (MBD), yang dijangka berterusan hingga September 2025 manakala Monsun Timur Laut (MTL) dijangka berlaku pada bulan November sehingga bulan Mac pada setiap tahun.

3. Pengoperasian BiGBen dan Sistem eBencana JKR dilaksanakan secara bersepadu dipertingkatkan pengoperasiannya untuk menjadi sumber rujukan kepada semua pihak berkepentingan terutama kepada agensi yang terlibat untuk tindakan penyelarasan dan pengurusan bencana negara yang lebih efisien. BiGBen turut berfungsi sebagai pusat sehati pengurusan maklumat kejadian bencana JKR Malaysia seperti banjir, cerun runtuh, jalan runtuh, jalan mendap, dan kerosakan atau runtuh jambatan termasuk yang melibatkan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri.

4. Di bawah kerangka Malaysia MADANI, BiGBen memainkan peranan sebagai teras dalam pengurusan bencana JKR Malaysia, mencerminkan nilai-nilai kemanusiaan dan inovasi dalam memastikan keselamatan rakyat. Dalam pengurusan bencana negara, berdasarkan Arahan NADMA No. 1, JKR selaku agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan dalam menyelaras kemudahan logistik dan aset serta menyediakan perkhidmatan teknikal dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan yang berkaitan.

5. Oleh yang demikian, Jabatan Kerja Raya telah bersiap sedia dari segi keperluan penggunaan Jambatan Bailey bagi mengatasi masalah laluan terputus akibat bencana. Sepanjang 2,570 kaki Jambatan Bailey telah disediakan untuk digerakkan bagi tujuan kecemasan yang telah ditempatkan di tujuh (7) stor iaitu:

- i. Bahagian Jalan JKR Negeri Kedah
- ii. JKR Daerah Temerloh, Pahang
- iii. JKR Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan
- iv. JKR Daerah Johor Bahru, Johor
- v. JKR Daerah Petaling, Selangor
- vi. JKR Jajahan Machang, Kelantan
- vii. JKR Daerah Kinta, Perak

6. Selain itu, Negeri Melaka dan Terengganu juga telah melaksanakan perolehan Jambatan Bailey menggunakan peruntukan MARRIS tahun 2025 bagi tujuan kesiapsiagaan bencana dan keperluan kecemasan.

7. Dalam masa yang sama, JKR Malaysia bersama pihak Syarikat Konsesi telah mengambil tindakan proaktif dalam pengurangan risiko bencana seperti berikut:

A. Persediaan sebelum bencana:

- i. Menyediakan peralatan dan juga kelengkapan yang diperlukan seperti papan tanda sementara, barrier, plastic sheeting/kanvas, string barricade, blinkers dan lain-lain.
- ii. Bahan utama seperti coldmix telah disimpan bagi memastikan bahan sentiasa mencukupi untuk kerja-kerja tampalan pothole.
- iii. Lokasi-lokasi yang kerap dinaiki air telah dikenalpasti dan pancang banjir telah dipasang menjelang MTL. Lokasi-lokasi kerap berlakunya pokok tumbang, cerun runtuh juga telah dikenalpasti agar persiapan awal penyediaan barangan keperluan, keselamatan dan trafik adalah mencukupi jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingi.
- iv. Laluan-laluan alternatif telah dikenalpasti untuk lokasi yang sering dinaiki air.
- v. Cycle pembersihan longkang juga telah ditambah bagi lokasi-lokasi yang sering dinaiki air, termasuklah kerja-kerja CSR seperti gotong-royong bagi membersihkan sekali lagi longkang-longkang yang sering bermasalah ketika MTL.

B. Semasa bencana:

- i. Papan tanda sementara dipasang /diletakkan di lokasi-lokasi banjir sebagai pemberitahuan dan amaran kepada pengguna jalan raya.
- ii. Paras kedalaman air diambil pada sela masa yang ditetapkan bagi tujuan pemantauan.
- iii. Pihak konsesi akan melaksanakan kerja-kerja pembersihan untuk laluan-laluan terhalang (pokok tumbang/cerun runtuh) agar jalan dapat dibuka dengan segera atau dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- iv. Rondaan dan potholes ditampal dalam tempoh 24 jam. Pasukan pemantauan pothole ditambah di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti.
- v. Mengemaskini kejadian bencana di laman Pengurusan Bencana JKR iaitu bencana.jkr.gov.my dari semasa ke semasa.

C. Selepas bencana:

- i. Jalan-jalan atau struktur-struktur yang rosak akibat bencana atau banjir dikenalpasti untuk tujuan pembaikan.

8. Orang awam turut dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati dan melaksanakan semakan laluan jalan raya yang selamat dilalui sebelum memulakan perjalanan menerusi:-

- i. Laman Pengurusan Bencana JKR Malaysia (bencana.jkr.gov.my)
- ii. Aplikasi eBencana JKR (AppStore dan Google Play)
- iii. Facebook BiGBen – Bilik Gerakan Bencana JKR Malaysia



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

9. KKR dan JKR Malaysia sentiasa komited dalam memastikan jaringan jalan raya di seluruh negara tidak terputus dan kekal selamat untuk dilalui. Seiring dengan nilai Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan rakyat, ihsan dan kepedulian, setiap usaha kesiapsiagaan ini dilaksanakan demi melindungi keselamatan pengguna jalan raya serta memastikan kelancaran perhubungan yang menjadi nadi kehidupan rakyat.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
19 SEPTEMBER 2025

#KearahKesejahteraanRakyat
#JasaKepadaRakyat
#MYJALAN
#Jalankitatanggunjawabkita
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja